

09/03/2002

Mesyuarat PBEC dijangka bincang isu keganasan

MESYUARAT Agung Antarabangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC IBG) yang akan diadakan dari 3 hingga 7 Mei depan di Kuala Lumpur akan membincangkan mengenai isu keganasan dan kesannya terhadap perniagaan di rantau Asia Pasifik.

Pengerusi PBEC Malaysia, Tan Sri Azman Hashim, berkata majlis berkenaan berharap satu deklarasi akan dikeluarkan berhubung isu itu diakhir mesyuarat yang akan dihadiri pemimpin dari 23 negara.

Beliau berkata, isu keganasan yang akan dibincangkan mungkin melihat dalam konteks pasca 11 September yang membabitkan tragedi serangan penganas ke atas Amerika Syarikat, selain perkembangan terbaru selepas tragedi itu yang menjurus kepada kesuraman ekonomi global.

Seramai 4,500 ketua perniagaan dari 23 negara akan menyertai mesyuarat empat hari itu, kata Azman kepada pemberita selepas perjumpaan dengan 38 penaja PBEC IBG terdiri daripada warga korporat terkemuka tempatan, di Kuala Lumpur semalam.

Perjumpaan itu turut dihadiri Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz.

Azman berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada hari keempat persidangan itu.

Perdana Menteri Filipina, Gloria Macapagal Aroyo, yang sudah mengesahkan kehadirannya pula akan menyampaikan ucapan bertajuk "Pelaburan Langsung Asing di Lembangan Pasifik" hari berikutnya, katanya.

Sementara itu, dalam satu kenyataan berasingan, MITI mengumumkan mengenai lawatan Rafidah ke Stockholm, Sweden selama dua hari mulai 12 Mac ini untuk menarik pelabur Sweden ke Malaysia.

Rafidah akan memberi penerangan mengenai peluang perniagaan di Malaysia kepada ahli perniagaan Sweden pada satu seminar yang akan berlangsung pada 13 Mac.

Seminar itu bertujuan memaklumkan kepada ahli perniagaan Sweden mengenai peluang pelaburan di negara ini, mempromosikan produk dan perkhidmatan negara, di samping mengukuhkan perhubungan perdagangan dua hala dan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Sweden.

Dalam lawatan itu, Rafidah juga akan menandatangani perjanjian mengenai pengecualian cukai dua kali (DTA) antara Malaysia dan Sweden pada 12 Mac, 2002.

Perjanjian baru itu mengandungi pindaan undang cukai kedua-dua negara dan akan menggantikan perjanjian sedia ada yang ditandatangani pada 21 November, 1970.

(END)